

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI DS13 / DS14 / GRED KHAS C

BIDANG

KEWANGAN ISLAM

KELAYAKAN

- i. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang **Kewangan Islam** atau yang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, **DAN**
- ii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

SYARAT MINIMA

I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)

- a. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS / Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** kombinasi lima (5) penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.

- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang benbtuk penjaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek - Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM50,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **dan** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/ Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan tiga (3) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS / Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/ Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM50,000.
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **dan** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang benbtuk penjaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek - Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM20,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **dan** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/ antarabangsa.

III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a. Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus/MyCite/ERA/Buku/Bab Dalam Buku) sebagai Penulis Koresponden/ Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*).
- b. Pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman dalam bidang industri minimum tiga (3) tahun / pasca doktoral minimum dua (2) tahun.

SPESIFIKASI TUGAS

- i. Calon yang berjaya dikehendaki menjalankan pengajaran, pentadbiran, penyelidikan dan penyeliaan dalam bidang Kewangan Islam.
- ii. Melibatkan diri dalam perkhidmatan analisis yang ditawarkan kepada pihak industri, perundingan, pengkomersilan serta khidmat kepada universiti dan masyarakat.

CARA MEMOHON

Sila majukan secara e-mel butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **6 Julai 2026** kepada:

DEKAN
Pusat Pengajian Pengurusan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang
Emel: dean_man@usm.my

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.